

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Apakah warna tema baju kelas yang _____ mahu pilih ?” tanya Habib kepada rakan sekelasnya.
- A kau
 - B awak
 - C kamu
 - D kalian
- 2 Sarinah _____ belajar sekelas dengan Farhana semasa tahun satu.
- A pernah
 - B sedang
 - C sudah
 - D masih
- 3 *Pilih ayat yang betul.*
- A Roslina melayari internet untuk mencari maklumat terbaharu.
 - B Abang menonton televisyen dengan membaca surat khabar.
 - C Kami terkejut mendengar bila mendengar bunyi letupan.
 - D Halim kaya dan kedekut.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sejak pagi, ibu Atikah masih mencari sebatang jarum yang terjatuh di atas permaidani sambil mendukung anak bongsunya. Selepas membuang sampah, Atikah membantu ibunya mencari jarum yang terjatuh itu. Puan Nora masih gagal menjumpai jarum itu walaupun mencarinya dengan menggunakan kanta pembesar.

Atikah teringat akan manfaat kuasa magnet terhadap bahan besi yang baru dia belajar dengan guru sains di sekolah. Dia cuba mencari jarum yang terjatuh itu dengan menggunakan kuasa magnet. Atikah meletakkan magnet di atas permaidani untuk mengesan jarum yang terjatuh itu. Akhirnya, jarum yang terjatuh itu telah dijumpai apabila ditarik dan melekat pada magnet.

- 4 Siapakah yang membantu ibu mencari jarum yang terjatuh?
 - A Adik Atikah
 - B Guru Sains
 - C Puan Nora
 - D Atikah

- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Puan Nora mencari jarum dengan menggunakan kanta pembesar.
 - B Atikah belajar kuasa magnet dengan Puan Nora.
 - C Sebatang jarum terjatuh di tepi permaidani.
 - D Atikah mencari magnet yang terjatuh.

- 6 Berikut ialah manfaat kuasa magnet berdasarkan petikan *kecuali*
 - A menarik jarum
 - B mencari jarum
 - C mengesan jarum
 - D membuang jarum

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Sambutan bulan kemerdekaan di sekolah Airin akan disambut pada minggu hadapan. Airin sangat berkobar-kobar menantikan hari yang sangat bermakna itu. Hal ini demikian kerana Airin telah membeli *busana* bertemakan kemerdekaan untuk sambutan itu.

Perbuatan Airin ini harus dipuji kerana Airin mempunyai semangat patriotik dalam dirinya. Tahun ini merupakan kali kelima Airin menyambut bulan kemerdekaan di sekolah. Airin telah bersepakat dengan rakan sekelasnya untuk menjayakan program anjuran pusat sumber. Setiap kali bulan kemerdekaan, sekolah dihiasi dengan Jalur Gemilang.

BAHAN 2

**SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN
PERINGKAT SEKOLAH 2024**

ANJURAN
PUSAT SUMBER SK RHU SEPULUH



ACARA
Buku skrap
Mewarna
Melukis poster
Teka silang kata

**Murid digalakkan
memakai busana
bertemakan kemerdekaan**

**TARIKH : 11 OGOS 2024
MASA : 8.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN TERBUKA**

- 7 Dimanakah sambutan bulan kemerdekaan diadakan
- A Pusat Sumber.
 - B Dewan Terbuka.

- C SK Rhu Sepuluh.
- D Pusat Sumber SK Rhu Sepuluh.

8

Airin telah bersepakat dengan rakan sekelasnya untuk menjayakan program anjuran pusat sumber.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A bentuk.
 - B butir.
 - C buah.
 - D biji.
- 9 Perkataan *busana* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A baju.
 - B kain.
 - C seluar.
 - D tudung.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Terdapat lima acara yang dipertandingkan pada sambutan bulan kemerdekaan itu.
 - B Sambutan bulan kemerdekaan dianjurkan oleh Pusat Sumber SK Rhu Sepuluh.
 - C Airin merupakan murid tahun enam di SK Rhu Sepuluh.
 - D Sambutan bulan kemerdekaan diadakan di dewan tertutup.



Bahagian B

[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Syafiq tidak sabar untuk menyertai Hari Terbuka Felda Chalok Barat di Dewan Serbaguna Felda Chalok Barat pada hari ini. Pelbagai aktiviti diadakan. Antaranya ialah pameran produk felda, gerai jualan dan cabutan bertuah.

Penduduk felda pergi ke pesta untuk menyertai pelbagai aktiviti. Syafiq membawa adiknya melawat ke gerai jualan. Gerai-gerai jualan dihiasi dengan belon yang berwarna-warni untuk menarik perhatian pengunjung-pengunjung singgah membeli. Syafiq sangat gembira kerana dapat pergi ke pesta itu.

(a) Hari Terbuka Felda Chalok Barat diadakan di _____.
[1 markah]

(b) Apakah aktiviti-aktiviti yang diadakan sempena pesta tersebut?

[2 markah]

(c) Gariskan satu kata ganda berentak yang terdapat dalam ayat diberi.

Gerai-gerai jualan dihiasi dengan belon yang berwarna-warni untuk menarik perhatian pengunjung-pengunjung singgah membeli.

[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

Syafiq membawa adiknya melawat ke gerai jualan.

Adik dibawa oleh Syafiq ke gerai jualan.	
Adik membawa Syafiq ke gerai jualan.	

[1 *markah*]